

22/06/1997

Gerakan banteras rasuah ditingkat

Rasid Rahaman; Kamal Ahmad

KUALA SELANGOR: Gerakan membanteras gejala rasuah akan terus dipertingkatkan bagi memelihara imej kepemimpinan negara yang diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata ini penting kerana pandangan Perdana Menteri sering diminta oleh pemimpin negara luar, malah kebanyakannya ingin menjadikan Malaysia sebagai negara contoh untuk membangunkan negara masing-masing.

"Perdana Menteri bekerja untuk kepentingan negara dan rakyat tetapi pada masa yang sama kita tidak mahu pemimpin di bawahnya berkecamuk mengambil hak rakyat.

"Masalah berlaku kerana pemimpin di bawah memfokus untuk memperkayakan diri dan kepentingan puak-puaknya. Ini menjadikan fokus asal kadangkala tergelincir.

"Jika tumpuan fokus untuk menjayakan pembangunan politik dan ekonomi negara, saya tidak fikir kita akan menghadapi masalah," katanya di majlis perasmian Perwakilan Bahagian Umno Kuala Selangor dan Majlis Kesyukuran Barisan Nasional (BN) di sini, semalam.

Turut hadir ialah Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar; Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Padukan Zaleha Ismail; dan semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri.

Beliau berkata, keputusan melaksanakan pembangunan bukan keputusan seorang pemimpin.

"Keputusan yang dibuat oleh Kabinet hanya untuk memastikan kawasan desa dan pedalaman tidak diabaikan. Kemudahan seperti elektrik, air, jalan kampung, mesti, mesti, mesti wajib diselesaikan segera," katanya.

Menurutnya, peruntukan yang dicurahkan kepada kerajaan negeri dan kementerian bukan 100 juta, 100 bilion, malah berbilion-bilion ringgit yang dikeluarkan.

"Oleh itu, kita akan tentukan pelaksanaannya berjalan dengan berkesan. Pelaksanaannya bermakna tugas kerajaan negeri, tugas Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri, wakil rakyat dan pemimpin," katanya.

Menurutnya, jika fokus tumpuan pembangunan ini hanya untuk menjayakan politik dan ekonomi negeri, beliau percaya tidak ada masalah.

"Kalau fokus kita semata-mata untuk pembangunan negara, iaitu mengatasi masalah ekonomi rakyat, prasarana dan kemudahan agama rakyat, saya tidak fikir ia terlalu sukar.

"Tetapi kalau fokus hanya memikirkan tanah ini untuk aku dan tanah ini untuk isteri kedua aku, kita akan menghadapi masalah," katanya.

Mengenai pelantikan Abu Hassan sebagai Menteri Besar Selangor, beliau berkata, sokongan bukan sokongan kosong kerana sokongan kepada tokoh bukan atas kepentingan peribadi atau kerana mengharap habuan untuk projek pembangunan, tanah dan sebagainya.

"Kita sokong pemimpin kerana kita mahu beliau memikul amanah dan menyempurnakan tanggungjawab dengan sebaik mungkin, iaitu membela nasib rakyat, menjaga kepentingan negeri dan membangunkan negara.

"Sebab itu, kita teliti ucapan beliau dan keutamaan yang diberikan," katanya.

Menurutnya, dalam perbincangan dan mesyuarat dengan Abu Hassan, sering ditekankan bahawa Selangor adalah negeri yang paling ke hadapan memercu pertumbuhan yang begitu memberangsangkan.

"Selangor punyai kesempatan membangun dan melonjak dengan keyakinan yang

ditunjukkan oleh Kerajaan Persekutuan," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Persekutuan boleh memilih pusat tadbiran baru dan prasarana utama di tempat lain, tetapi memilih Selangor.

"Kita boleh pilih pusat tadbiran baru di tempat lain, tetapi kita pilih Putrajaya di Selangor. Kita pilih pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang.

"Kita pilih pusat Koridor Raya Multimedia (MSC) juga di Selangor," katanya.

(END)